

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, November 14, 2018 3:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bapa Pendorong Pasangan Suami Isteri Sambung Pengajian Peringkat Phd



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

14 NOVEMBER 2018 / 6 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BAPA PENDORONG PASANGAN SUAMI ISTERI SAMBUNG PENGAJIAN PERINGKAT PhD



UUM ONLINE: Ibu bapa mana yang tidak mempunyai impian dan hasrat untuk melihat anak-anak mereka berjaya menggenggam ijazah di menara gading, begitu juga bagi pasangan suami isteri ini yang berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat Doktor Falsafah (PhD) atas dorongan tersebut.

Bermula 2014, Kamsidi@Abd Malek Sidek dan isteri, Mazita Mat Ali mengambil keputusan untuk merealisasikan impian bapa mereka dengan menyambung pengajian ke peringkat PhD di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Mereka bukan sahaja menyahut impian itu demi meningkatkan taraf pendidikan, malah sebagai sumber inspirasi kepada anak-anak yang semakin membesar.

Kamsidi@Abd Malek dan isteri, Mazita masing-masing berjaya menamatkan PhD mereka dalam bidang Pengurusan Teknologi dan Logistik setelah mengharungi pelbagai cabaran dari aspek komitmen kerjaya, keluarga dan juga pengajian mereka sepanjang tempoh tersebut.

Menurut Kamsidi yang merupakan pensyarah di Politeknik Mu'adzam Shah (Polimas), Jitra, mereka berdua memilih keputusan untuk menyambung pengajian bersama bagi memudahkan mereka untuk mengulangaji dan berbincang, selain dapat menamatkan pengajian bersama-sama.

Katanya, aura untuk belajar tanpa mengira usia itu sentiasa ada dalam diri dia dan juga isteri yang mana secara tidak langsung tekad mereka untuk mengambil PhD itu dapat dijadikan sebagai contoh baik kepada anak-anak berusia antara lapan hingga 14 tahun.

"Saya mahu kami dijadikan sebagai *role model* kepada anak-anak kerana pada usia mencecah 40-an ini kami sebagai ibu bapa masih mampu belajar sehingga ke peringkat tertinggi.

"Selain itu, saya menyambung pengajian ini kerana ingin memenuhi hasrat arwah bapa yang ingin melihat saya menjadi seorang doktor perubatan, namun saya berjaya tamatkan pengajian sebagai Doktor Falsafah sebelum arwah menghembuskan nafasnya pada Oktober lalu," katanya.

Kamsidi berkata, dia berjaya menyiapkan tesis bertajuk *The Relationship of Critical Resources and Moderation of IT Support on New Product Design Performance* setelah bersenggang mata setiap malam sehingga adakalanya ke awal pagi bersama isterinya.

Menurutnya, dia mengambil kesempatan menyiapkan tugas tersebut pada waktu malam kerana ingin memberikan perhatian kepada keluarga dan anak-anak khususnya pada waktu siang, selain sibuk bekerja di politeknik.

"Waktu yang tidak konsisten menjadi cabaran besar kepada saya dan isteri dalam usaha menyiapkan tesis masing-masing, selain itu kekangan kewangan juga turut mempengaruhi sehingga saya pernah mengambil cuti tanpa gaji kerana perlu menjalankan proses mengumpul data, namun kami berdua dapat mengatasinya dengan penuh istiqamah.

"Selepas penat lelah yang berbaloi ini, saya bercadang untuk menyebar luas pengetahuan yang dimiliki ini supaya dapat menjadi panduan kepada orang ramai khususnya pelajar, malah saya juga berkesempatan menerbitkan buku ilmiah dan telah ditempatkan di Perpustakaan Negara," katanya yang berasal dari Terengganu.

Sementara itu, Mazita berkata, dia dan suami ingin mewujudkan suasana ilmiah di persekitaran mereka, justeru mengambil keputusan untuk melakukannya secara bersama-sama dengan menyambung pengajian di UUM selepas masing-masing saling menyokong antara satu sama lain.

Menurutnya, yang mendorong dia untuk melanjutkan pengajian adalah bapanya yang terpaksa melupakan hasrat untuk meneruskan pengajian suatu ketika dahulu disebabkan masalah kewangan.

"Impian dia selama ini, saya teruskan dengan memberikan kejayaan yang diperoleh kepadanya walaupun saya pernah gagal semester pertama Ijazah Kejuruteraan Mekatronik dan pernah mengambil Diploma Kejuruteraan sehingga berjaya sampai ke tahap sekarang.

"Saya dan suami berjaya harungi cabaran sepanjang tempoh untuk tamatkan PhD ini terutama dalam aspek kewangan, selain itu komitmen saya sebagai seorang isteri, ibu dan juga pensyarah juga harus adil dan bijak membahagikan masa," katanya yang merupakan Pensyarah Kanan di Polimas, Jitra.

Anak kelahiran Pahang itu berkata, selepas berjaya menggenggam ijazah PhD, dia ingin meneruskan minatnya dalam bidang penulisan dan turut menulis buku 'Mudahnya Menguruskan Pengajian PhD Versi 7.1.7.7' untuk dikongsi bersama dengan sahabat-sahabat.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.